

STRATEGI KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID CEMERLANG DAN MURID LEMAH DI SJK(T) BATU CAVES, SELANGOR

Reading Strategy Skills Among Excellent and Weak Students in SJK(T)

Usha Nagasundram and Vijayaletchumy Subramaniam
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji strategi kemahiran membaca bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves, Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis strategi kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah SJK(T) Batu Caves yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan menghuraikan faktor yang mempengaruhi strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid. Pengkaji menggunakan Model Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Zamri Mahamod (2004) dan borang soal selidik yang diadaptasi daripada Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu dan telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang murid tahun 5 SJK(T) Batu Caves. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik, temu bual, dan tinjauan lapangan untuk mengumpul data kajian. Hasil dapatan kajian dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid cemerlang lebih kerap mengamalkan strategi kemahiran membaca berbanding murid lemah. Faktor utama yang mempengaruhi murid lemah dalam kemahiran membaca ialah sikap dan minat murid itu terhadap penguasaan bahasa Melayu dan juga peranan guru dalam mempelbagai cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Melalui penyelidikan ini, murid-murid yang lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua boleh mengaplikasikan strategi kemahiran membaca dalam menguasai bahasa Melayu. Selain itu, para guru bahasa Melayu dapat merangka aktiviti dan PdPc yang menarik dalam membantu murid-murid lemah menguasai kemahiran membaca. Ibu bapa juga tidak kurang pentingnya dalam kajian ini. Ibu bapa boleh mengetahui atau memahami masalah yang dihadapi oleh anak masing-masing dan mengatasi masalah tersebut dengan membelikan buku-buku yang bersesuaian mengikut tahap anak-anak.

Kata Kunci:

strategi pembelajaran bahasa; bahasa Melayu sebagai bahasa kedua; kemahiran membaca; murid cemerlang; murid lemah

ABSTRACT

This research was conducted to study strategies of Malay language reading skills as a second language among excellent and weak students at SJK(T) Batu Caves, Selangor. The objectives of this study were to analyze the strategies of Malay language reading skills among SJK (T) Batu Caves students who learn the second language and to explain the factors that influence reading skills among students. The researcher used the Malay Language Learning Strategy Model Zamri Mahamod (2004) and the questionnaire form adapted from the Malay Language Learning Inventory and was modified according to the study's relevance. The study sample consisted of 80 students of Year 5 at SJK (T) Batu Caves. Researchers use questionnaires, interviews, and field surveys to collect survey data. The results of the study were analyzed quantitatively and qualitatively. The findings show that excellent students practice reading skills more often than weak students. The main factor influencing students' weakness in reading skills is their attitude and interest in Malay language as well as the role of teachers in teaching and learning in the classroom. Through this research, students who are weak in learning Malay as a second language can apply reading skills strategies in mastering Malay. In addition, Malay language teachers are able to develop activities and PdPcs that are helpful in helping underprivileged students to master reading skills. Parents are also less important in this study. Parents can know or understand their child's problems and overcome them by buying books that are appropriate to their child's level.

Keywords:

language learning strategies; Malay as a second language; reading skills; excellent students; weak student

PENGENALAN

Wadah terpenting dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini ialah pendidikan. Oleh yang demikian, bahasa Melayu telah diangkat martabatnya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara (Awang Sariyan, 2016). Pada permulaannya, Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 telah memperakui dan mengiktirafkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, seterusnya diperteguh oleh Laporan Rahman Talib pada 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Setelah melalui beberapa peringkat pada tahun 1974 sehingga 1982, akhirnya Akta Pendidikan 1996 telah diperkemas dan berkata putus untuk mewajibkan kelulusan bahasa Melayu bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Nathesan (2010). Pada tahun 2003, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah dilaksanakan dengan keyakinan yang tinggi terhadap bahasa Inggeris, maka mula terhakisnya bahasa Melayu dalam alam pendidikan. Walau bagaimanapun, dasar PPSMI ini telah digugurkan secara berperingkat kerana kajian menunjukkan murid-murid gagal untuk menguasai bahasa Inggeris. Tambahan pula, penguasaan murid terhadap sains dan matematik semakin menurun. Maka, pada tahun 2011, kerajaan telah memulakan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Oleh yang demikian, dalam usaha untuk mengatasi masalah tahap penguasaan BM yang rendah di aliran SJK (Sekolah Jenis Kebangsaan), Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bahasa Melayu bermula tahun 2011 untuk murid Tahun Satu dan pelaksanaan keseluruhannya untuk semua tahun pengajaran pada tahun 2016 (Chew, 2016).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2015 memberikan saranan agar KSSR pada 2011 yang telah dilaksanakan supaya disemak semula dengan menambahkan penekanan dalam penguasaan kemahiran abad ke-21, iaitu pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta penyelesaian masalah dan dari segi aspek kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat antarabangsa. Dalam pada itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam semakan 2017 merupakan Kurikulum Kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah rendah di Malaysia dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaan KSSR ini berpandukan DSKP, iaitu Dokumen Standard Kurikulum. KSSR berpegang pada empat prinsip yang utama, iaitu pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, pendidikan saksama untuk semua murid, dan pendidikan seumur hidup. Model kemahiran membaca dalam DSKP menekankan aspek kemahiran membaca di samping penggabungan kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid untuk membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan pula diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca.

Kemahiran membaca dalam DSKP Tahun 5 dibahagikan kepada 3 kelompok utama dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca yang baik dalam kalangan murid. Berikut merupakan senarai kelompok yang ditekankan dalam DSKP, iaitu membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul, membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul, membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul, membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul, dan akhir sekali membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca. Meneliti akan perkara di atas, murid tahun 5 sepatutnya mahir dalam kemahiran membaca.

PERNYATAAN MASALAH

Pernyataan masalah dalam kajian ini ialah keupayaan para murid untuk menguasai bahasa Melayu masih berada pada tahap rendah. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada peratus kelulusan yang diperoleh di SJK(T) Batu Caves dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pada tahun 2018, peratus pencapaian cemerlang dalam ujian UPSR bahasa Melayu yang diperoleh adalah sebanyak 53% berbanding tahun 2017 adalah sebanyak 65%, manakala pencapaian kelulusan dalam kertas ujian bahasa Melayu adalah sebanyak 82%. Manakala, peratus murid lulus dalam bahasa Melayu pada tahun 2017 adalah 89%. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebanyak 18% murid tidak dapat lulus dalam bahasa Melayu, iaitu memperoleh gred E pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 yang terdiri daripada 11%. Hal ini menunjukkan jurang pencapaian prestasi yang makin merosot dalam kalangan murid SJK(T) Batu Caves. Punca kemerosotan ini menjadi satu persoalan kepada guru dan juga pihak sekolah. Di samping itu, terdapat banyak kajian yang dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar negara berkenaan strategi pembelajaran bahasa dan juga kemahiran membaca bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod, Kamilah Ayu, Wan Muna Ruzanna (2015) tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. Seterusnya, kajian keberkesanan teknik membaca SQ3R dijalankan di sekolah menengah oleh Wan Dyarudin (2016). Nora'azian dan Fadzilah (2018), menjalankan kajian tentang tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Namun, kajian strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan murid India kurang dijalankan. Oleh yang demikian, masalah ini memberi lompang kepada penyelidik untuk melakukan kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi kemahiran membaca bahasa Melayu yang digunakan oleh murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves; dan menghuraikan faktor yang mempengaruhi strategi kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves.

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi tiga bahagian, iaitu kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu, strategi pembelajaran bahasa, dan kajian tentang strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan murid cemerlang.

KAJIAN TENTANG PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Ooi Chwee Hwa (2018) telah menjalankan kajian keberkesanan modul dalam meningkatkan penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* dalam kalangan murid SJKC. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* murid SJKC dari segi penulisan dan menghasilkan satu model prototaip pembelajaran imbuhan *meN* dan *peN* untuk murid SJKC. Sampel kajian terdiri daripada 210 orang murid tahun 2, 3, dan 4 dari 4 buah sekolah SJKC Selangor dan 178 orang guru BM SJK. Pengkaji telah menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan untuk membangunkan model dan *Elaboration Theory of Instruction* (1983). Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan modul memberi implikasi positif dalam meningkatkan penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* murid SJKC. Di samping itu, Noor Zila Md. Yusuf (2015) mengkaji pencapaian 28 orang murid Iban Tahun 4 yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran murid yang

mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Data daripada ujian karangan dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan strategi pembelajaran yang digunakan oleh murid semasa membina ayat dalam penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan murid mempunyai masalah dalam penguasaan aspek imbuan bahasa. Hal ini dapat dilihat dengan pengguguran imbuan awalan masih tidak ketara oleh murid, namun kesilapan penggunaan imbuan awalan masih kerap dalam proses membina karangan, iaitu dengan meletakkan imbuan yang tidak tepat pada kata tunggal.

KAJIAN TENTANG STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Kajian Hanifah Sabin, Vincent Pang & Muhammad Idris Bullare (2019) yang bertujuan untuk mengkaji keperluan pembangunan modul pengajaran membaca prasekolah dengan mengaplikasi teori psikolinguistik kognitif. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran bahasa Melayu menggunakan nyanyian dan kaedah belajar melalui bermain berupaya meningkat kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah. Selain itu, Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) telah menjalankan kajian berkaitan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan 44 orang pelajar Universiti Goethe Frankfurt di Jerman. Kajian ini bertujuan untuk meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa di dalam kelas, di luar kelas, dan semasa menghadapi peperiksaan. Strategi pembelajaran bahasa Mohamed Amin telah diubah suai mengikut keperluan kajian. Hasil kajian menunjukkan pelajar banyak menggunakan SPB di dalam kelas yang lebih tertumpu pada pembelajaran sendiri, malah kurang mengaplikasi strategi di luar kelas dan juga semasa peperiksaan. Dalam pada itu, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah dan Nik Mohd Rahimi Mohd Yusoff (2014) telah mengkaji penggunaan strategi pembelajaran bahasa pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu. Objektif dalam kajian ini ialah mengenal pasti penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing mengikut kategori kemahiran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu pelajar asing ialah perbendaharaan kata yang membantu mereka untuk digunakan dalam pertuturan. Selain itu, kajian tentang Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran bahasa dalam kalangan murid Cina yang dilakukan oleh Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016) dalam objektif kajian mengenal pasti Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan kekerapan penggunaannya dalam kalangan murid Cina menunjukkan dapatan kajian pertuturan adalah keputusan kajian yang tertinggi dalam Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Roshidah Hassan (2017) tentang strategi dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang terdiri daripada objektif kajian mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Perancis bergantung kepada pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Selain itu, keputusan kajian lain menunjukkan bahawa pertuturan bahasa Melayu mereka kurang dikuasai disebabkan pelajar kurang bertemu dengan penutur jati asli bahasa Melayu kerana kajian ini dilakukan di luar daerah. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa pertuturan ialah strategi yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu. Lompang dalam kajian ini ialah contoh pertuturan yang berkesan tidak dinyatakan dalam kajian yang telah dijalankan.

KAJIAN TENTANG STRATEGI PEMBELAJARAN PELAJAR CEMERLANG

Mohamad Yazid Mohamad (2017) telah mengkaji kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik Cina. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan strategi pembelajaran bahasa mengikut jantina, tahun pembelajaran, sosioekonomi keluarga dan hubungan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian akademik murid-murid. Sampel kajian ini terdiri daripada 291 orang murid cemerlang di sebuah SJK(C) Cheras. Pengkaji menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Zamri (2004) lalu disesuaikan mengikut tahun pengkaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan mengikut jantina dalam strategi pembelajaran bahasa. Dapatan ini selari dengan kajian Zamri, Kamariah Ayu dan Wan Muna Ruzanna (2016), dalam kajian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa, merumuskan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara murid lelaki dan murid perempuan dalam SPB. Seterusnya, dari aspek tahun pembelajaran pula, tahap perkembangan murid yang berbeza menjadi salah satu faktor dalam pemilihan SPB yang diamalkan oleh murid-murid. Status sosioekonomi tidak memberikan pengaruh yang ketara dalam strategi pembelajaran murid. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011) yang merumuskan bahawa taraf sosioekonomi ibu bapa berhubung kait dengan strategi pembelajaran murid. Hal ini kerana, murid yang ibu bapanya mempunyai latar belakang akademik yang baik akan lebih kerap menggunakan SPB berbanding dengan murid ibu bapa yang kelayakan akademik rendah. Strategi pembelajaran bahasa dari aspek akademik pula tidak menunjukkan signifikan yang ketara, iaitu murid yang cemerlang menggunakan SPB yang rendah, manakala murid yang lemah menggunakan SPB yang tinggi. Dapatan kajian selari dengan kajian Zamri Mahamod (2006) yang merincikan penggunaan strategi dalam kemahiran membaca dan menulis oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam pembelajaran BM. Bertitik tolak daripada sorotan kajian di atas, kajian ini mengenal pasti menganalisis strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah.

METODOLOGI KAJIAN


Reka bentuk kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pada peringkat yang pertama, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk pengumpulan data tentang strategi kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid. Seterusnya diikuti oleh fasa kedua, iaitu kaedah kualitatif untuk mentafsir serta menjelaskan data yang diperoleh dengan lebih lanjut. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang murid SJK(T) Batu Caves. Dalam usaha untuk mengumpul data tentang strategi kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dalam bentuk soal selidik dan dianalisis. Seterusnya, data kualitatif yang diperoleh melalui kaedah temu bual, penganalisan borang strategi dan pemerhatian dianalisis bagi mentafsir serta menjelaskan dengan lebih lanjut strategi kemahiran membaca yang digunakan oleh murid cemerlang dan murid lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan teori kajian. Borang soal selidik diadaptasi dari Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu, Zamri Mahamod (2015) dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian. Strategi kemahiran membaca dalam kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu strategi kemahiran membaca di dalam kelas, strategi kemahiran membaca di luar kelas, dan juga strategi kemahiran semasa peperiksaan. Setiap bahagian diberikan 10 item yang mengikut kesesuaian strategi. Jumlahnya terdapat 30 item dalam borang soal selidik dalam mengenal pasti strategi kemahiran membaca yang diamalkan oleh murid-murid SJK(T) Batu Caves.

HASIL KAJIAN

Strategi Kemahiran Membaca dalam kalangan Murid Cemerlang dan Murid Lemah di SJK(T)

Jadual 1: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang Di Dalam Kelas

SKB di dalam kelas	Murid Cemerlang			
	SS	S	T S	ST S
1. Saya membaca ayat/petikan BM dengan jelas/kuat.	30	20	-	-
2. Saya membaca setiap perenggan dalam petikan.	27	23	-	-
3. Saya membaca petikan berulang kali.	16	34	-	-
4. Saya membaca pelbagai buku Bahasa Melayu.	21	29	-	-
5. Saya membaca teks/petikan BM dengan nada/intonasi yang menarik.	21	29	-	-
6. Saya mengambil bahagian dalam aktiviti membaca semasa pembelajaran BM.	30	20	-	-
7. Saya meminta guru untuk membetulkan kesalahan saya semasa membaca teks/petikan BM.	25	25	-	-
8. Saya meminta rakan sekelas membetulkan kesalahan saya ketika membaca teks/petikan.	20	30	-	-
9. Saya memberikan tumpuan ketika rakan membaca teks/petikan BM.	32	18	-	-
10. Saya memberikan tumpuan ketika guru membaca teks/petikan BM.	34	16	-	-




Rajah 1: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang Di Dalam Kelas

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji mendapati bahawa strategi kemahiran membaca di dalam kelas kerap kali digunakan oleh murid-murid cemerlang dalam meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam strategi ketiga, iaitu membaca petikan berulang kali diberi keutamaan yang sangat tinggi oleh murid-murid cemerlang. Sebanyak 68% daripada 50 orang murid cemerlang menyatakan bahawa mereka akan membaca petikan berulang kali. Manakala hanya 32% orang murid memilih skala sangat setuju. Dapatan ini menyokong kajian Zamri Mahamod (2015) yang telah menjelaskan bahawa kognitif merupakan kemahiran asas yang paling penting dalam kemahiran membaca. Membaca petikan berulang kali amat membantu murid untuk memahami apa-apa yang dibaca dengan lebih jelas. Hasil daripada temu bual, responden kajian juga menyatakan bahawa membaca petikan berulang kali supaya dapat memahami teks dengan jelas dan ia secara langsung dapat membantu mereka menjawab soalan dengan mudah. Selain itu, strategi yang kesepuluh, iaitu “memberikan tumpuan ketika guru membaca teks/petikan BM” juga popular dalam kalangan murid cemerlang. Daripada jumlah 50 orang murid cemerlang, 68% memilih skala sangat setuju manakala 33% memilih skala setuju. Diikuti oleh strategi kesembilan, iaitu “memberikan tumpuan ketika rakan membaca teks/petikan BM” juga sering digunakan oleh murid cemerlang. Sebanyak 32 orang murid sangat setuju bahawa mereka akan memberikan tumpuan ketika rakan membaca teks/petikan bahasa Melayu, manakala selebihnya, 18 orang murid menyatakan setuju. Dalam usaha untuk meningkat kemahiran membaca dengan lancar, murid cemerlang SJK(T) Batu Caves mengambil inisiatif untuk mendengar dengan teliti supaya mereka tidak membuat kesalahan semasa membaca. Menurut Zamri Mahamod (2015), kemahiran dengar merupakan salah satu daripada empat kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, tanpa kemahiran dengar yang baik, teliti dan penuh tumpuan, seseorang pelajar itu tidak mungkin akan berjaya dalam pembelajaran mahupun berupaya memahami dan menguasai sesuatu ilmu pengetahuan dengan baik.

Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa strategi meminta guru untuk membetulkan kesalahan semasa membaca teks/petikan kurang diminati oleh murid-murid. Skala sangat setuju dan setuju masing-masing menunjukkan 50%. Catatan daripada temu bual membuktikan bahawa murid cemerlang kurang cenderung untuk membetulkan kesalahan di hadapan khalayak. Hal ini kerana, murid-murid berasa malu apabila mereka ditegur di hadapan rakan sekelas. Dalam usaha untuk mengelakkan diri daripada diperbetulkan oleh guru di hadapan rakan sekelas, murid-murid menunpukan perhatian sepenuhnya semasa guru membaca petikan dan bertutur dalam bahasa Melayu di dalam kelas. Tuntasnya, kemahiran membaca di dalam kelas amat membantu murid cemerlang fasih dalam bahasa Melayu dan mencapai keputusan yang baik.

Jadual 2: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah di dalam Kelas

SKB di dalam kelas	Murid Lemah			
	SS	S	TS	ST S
1. Saya membaca ayat/petikan BM dengan jelas/kuat.	-	-	16	14
2. Saya membaca setiap perenggan dalam petikan.	-	-	15	15
3. Saya membaca petikan berulang kali.	-	-	14	16
4. Saya membaca pelbagai buku Bahasa Melayu.	-	-	15	14
5. Saya membaca teks/petikan BM dengan nada/intonasi yang menarik.	-	-	19	11
6. Saya mengambil bahagian dalam aktiviti membaca semasa pembelajaran BM.	-	-	14	16
7. Saya meminta guru untuk membetulkan kesalahan saya semasa membaca teks/petikan BM.	-	-	17	13
8. Saya meminta rakan sekelas membetulkan kesalahan saya ketika membaca teks/petikan.	-	-	14	16
9. Saya memberikan tumpuan ketika rakan membaca teks/petikan BM.	-	-	16	14
10. Saya memberikan tumpuan ketika guru membaca teks/petikan BM.	-	-	18	12



Rajah 2: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah di dalam Kelas

Rajah 2 menunjukkan strategi kemahiran membaca murid lemah di dalam kelas. Pengkaji mendapati bahawa strategi kemahiran membaca di dalam kelas kurang berkesan dalam kalangan murid lemah. Hasil daripada pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji, murid lemah kurang berminat untuk membaca bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam strategi kelima, iaitu “membaca teks/petikan BM dengan nada/intonasi yang menarik” mencapai peratus tidak setuju yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 63%. Ditambah pula dengan murid lemah yang memilih skala sangat tidak setuju terdiri daripada 37%. Dapatan melalui temu bual yang telah dijalankan dalam kalangan murid lemah, pengkaji mendapati bahawa murid lemah yang memperoleh keputusan yang kurang memuaskan dalam bahasa Melayu kurang peka atau menitik beratkan kepentingan pada intonasi mahupun nada semasa membaca. Hal ini kerana, murid lemah kurang berminat untuk membaca. Dapatan ini disokong oleh strategi kesepuluh, iaitu “memberikan tumpuan ketika guru membaca teks/petikan BM”, yang merangkumi 60% tidak setuju dan 40% sangat tidak setuju. Strategi memberikan tumpuan ketika rakan membaca teks/petikan BM juga menunjukkan sebanyak 53% menyatakan tidak setuju, manakala skala sangat tidak setuju ialah 47%.


Selain itu, skala sangat tidak setuju membawa maksud murid-murid langsung tidak mengaplikasi strategi ini dalam proses pembelajaran mereka. Skala sangat tidak setuju dapat dilihat pada strategi ketiga, iaitu “membaca petikan berulang kali”. Sebanyak 53% daripada 30 orang menyatakan sangat tidak setuju, manakala 47% murid menyatakan tidak setuju. Strategi ini merupakan satu teknik yang amat membantu dalam proses untuk memahami kandungan teks/petikan dengan jelas. Namun, murid-murid lemah didapati tidak mengamalkan amalan membaca teks/petikan berulang kali supaya mereka dapat memahami kandungan dengan jelas dan dapat membantu mereka menjawab soalan dengan betul. Hasil daripada temu bual bersama-sama cikgu bahasa Melayu juga didapati bahawa murid-murid kurang berminat untuk membaca, apatah lagi membaca sesuatu teks/petikan berulang kali. Tambahan pula, guru-guru tersebut juga menyatakan bahawa murid-murid lemah kurang mengambil bahagian dalam aktiviti di dalam kelas. Hal ini dibuktikan dengan skala sangat tidak setuju yang ditunjukkan pada strategi “mengambil bahagian dalam aktiviti membaca semasa pembelajaran BM”. Skala sangat tidak setuju menunjukkan sebanyak 53% dan skala tidak setuju menunjukkan 47%. Di samping itu, strategi

kelapan, iaitu “meminta rakan sekelas membetulkan kesalahan saya ketika membaca teks/petikan” juga menunjukkan peratus sebanyak 53% sangat tidak setuju dan skala tidak setuju sebanyak 47%. Pengkaji mendapati bahawa murid-murid lemah kurang memberi inisiatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan melalui kajian Zamri Mahamod (2015), iaitu murid lemah kurang mengamalkan strategi pembelajaran bahasa. Menurutnya lagi, murid-murid lemah juga kurang mengaplikasikan teknik membaca yang efektif sepertimana yang ditunjuk ajar oleh guru-guru.

Meneliti akan penggunaan strategi kemahiran membaca di dalam kelas dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah, didapati bahawa murid cemerlang banyak menggunakan strategi kemahiran membaca berbanding murid lemah. Hasil dapatan sama dengan kajian yang telah dijalankan oleh Zamri Mahamod (2006). Di samping itu, peranan guru juga amat penting dalam membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran yang menarik mampu menarik minat murid dan mengubah sikap pembelajaran terhadap mata pelajaran yang diajari. Hal ini dapat dilihat dalam kajian ini, iaitu murid-murid lemah kurang mengambil inisiatif dalam strategi memberikan tumpuan ketika guru membaca petikan/teks bahasa Melayu. Dapatan ini selari dengan kajian Jerie dan Zamri (2011), sikap dan motivasi yang tinggi mampu mempengaruhi cara murid Iban mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tambahan pula, peranan guru amat penting dalam membentuk sikap yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh dapatan yang diperolehi melalui temu bual dalam kalangan guru bahasa Melayu yang berpengalaman, menyatakan bahawa guru harus mempraktikkan kaedah yang berkesan dalam PdPc supaya murid-murid tertarik. Selain itu, Zamri Mahamod (2014, 2015) berpendapat bahawa tenaga pengajar bahasa Melayu harus selalu memberi penegasan positif dalam diri murid-murid semasa proses pembelajaran bahasa di dalam kelas. Dapatan ini disokong oleh kajian Hanifah Sabin et al. (2019), iaitu murid-murid prasekolah cenderung untuk menguasai kemahiran membaca melalui kaedah nyanyian dan bermain di dalam kelas. Tuntasnya, pengkaji mendapati bahawa strategi kemahiran membaca di dalam kelas merupakan aspek yang penting dalam menguasai bahasa Melayu di samping kemahiran menulis dan bertutur. Kebolehan meliputi kemahiran memperoleh, memproses, dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber lalu mentafsirnya, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Oleh yang demikian, strategi kemahiran membaca di dalam kelas amat penting untuk memperkukuhkan asas pembacaan bahasa Melayu.

Jadual 3: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang di luar Kelas

SKB di luar kelas	Murid Cemerlang			
	S	S	T	ST
11. Saya membaca pelbagai bahan bacaan BM.	17	33	-	-
12. Saya membaca sari kata cerita BM ketika menonton televisyen.	18	32	-	-
13. Saya mengambil bahagian dalam pertandingan BM di luar sekolah.	26	24	-	-
14. Saya menghadiri kelas tuisyen BM.	50	-	-	-
15. Saya meminta guru tuisyen untuk membetulkan cara saya membaca BM.	22	28	-	-
16. Saya meminjam buku pelajaran/cerita BM dari perpustakaan sekolah.	14	36	-	-
17. Saya meminjam buku daripada rakan untuk membaca.	21	29	-	-
18. Saya membaca buku/nota BM pada masa lapang.	15	35	-	-
19. Saya meminta ibu bapa membeli bahan bacaan BM untuk saya.	33	17	-	-
20. Saya meminta ibu bapa membaiki/menyemak cara saya membaca sesuatu bahan bacaan BM.	34	16	-	-



Rajah 3: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang di luar Kelas

Meneliti akan rajah 3 di atas, pengkaji mendapati strategi kemahiran membaca di luar kelas yang kerap diamalkan oleh murid cemerlang SJK(T) Batu Caves ialah item “menghadiri kelas tuisyen BM”. Skala sangat setuju menunjukkan 100% daripada 50 orang murid cemerlang menghadiri kelas tuisyen bahasa Melayu di luar kelas sebagai salah satu cara untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hasil daripada temu bual juga didapati bahawa dengan menghadiri kelas tambahan, murid-murid dapat menambah ilmu pengetahuan tentang bahasa Melayu selain proses pembelajaran di kelas. Selain itu, mereka juga menguasai perbendaharaan kata dengan membuat latihan-latihan tambahan yang diberikan oleh guru tuisyen. Item “meminta ibu/bapa membaiki/menyemak cara membaca sesuatu bahan bacaan BM” juga sering diamalkan oleh murid-murid cemerlang SJK(T) Batu Caves. Skala sangat setuju merangkumi 68%, manakala skala setuju menunjukkan 32%. Ibu bapa murid cemerlang yang mengetahui akan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa yang harus dikuasai oleh masyarakat Malaysia, menjadi pendorong kepada murid-murid cemerlang untuk fasih berbahasa Melayu. Seterusnya, skala sangat setuju yang ketiga tertinggi peratusnya ialah item “meminta ibu bapa membelikan bahan bacaan BM untuk saya”. Sebanyak 66% daripada 50 orang murid menyatakan mereka sangat setuju dengan strategi ini. Selain daripada buku teks dan buku latihan yang diberikan di sekolah, murid-murid cemerlang juga mengambil inisiatif dengan membeli buku-buku latihan tambahan untuk menambah kosa kata melalui kemahiran membaca.


Di samping itu, skala yang paling banyak dipilih dalam strategi kemahiran membaca di luar kelas ialah skala setuju. Skala setuju yang paling tinggi ialah strategi “meminjam buku pelajaran/cerita BM dari perpustakaan sekolah”. Murid-murid cemerlang iltizam tinggi untuk menguasai kemahiran membaca dengan lancar supaya mereka dapat memperoleh keputusan yang cemerlang dalam bahasa Melayu. Seterusnya, murid-murid cemerlang juga meluangkan masa untuk membaca buku-buku bahasa Melayu pada masa lapang. Hal ini supaya mereka dapat mempelajari kosa kata dan juga perbendaharaan yang banyak dalam membantu mereka bertutur menggunakan bahasa Melayu. Keadaan ini dapat dilihat pada item kelapan belas, iaitu “membaca buku/nota BM pada masa lapang”, sebanyak 70% daripada 50 orang murid menunjukkan mereka setuju dengan strategi ini. Tambahan pula, item kesebelas, iaitu “membaca pelbagai bahan bacaan BM” menunjukkan sebanyak 66% daripada 50 orang murid setuju, manakala hanya 34% daripada jumlah keseluruhan menunjukkan sangat setuju.

Sebaliknya, strategi kemahiran membaca di luar kelas dalam kalangan murid cemerlang yang kurang diaplikasi oleh murid-murid ialah item ketiga belas, iaitu “mengambil bahagian dalam

pertandingan BM di luar sekolah”. Hanya sebanyak 52% murid menyatakan sangat setuju dan 48% menyatakan setuju dengan item ini. Dapatan yang diperoleh daripada temu bual bersama-sama cikgu bahasa Melayu, pengkaji dapat merumuskan bahawa murid-murid cemerlang kurang berkeyakinan tinggi untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak luar selain daripada sekolah. Contohnya pertandingan bercerita, menulis karangan, dan sebagainya yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, program khas untuk murid-murid oleh pihak universiti, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan murid-murid lebih bermotivasi untuk menyertai pertandingan bahasa Melayu sekiranya guru-guru sekolah yang memberi sokongan penuh.

Jadual 4: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah di luar Kelas

SKB di luar kelas	Murid Lemah			
	SS	S	TS	STS
11. Saya membaca pelbagai bahan bacaan BM.	-	-	17	13
12. Saya membaca sari kata cerita BM ketika menonton televisyen.	-	-	19	11
13. Saya mengambil bahagian dalam pertandingan BM di luar sekolah.	-	-	0	30
14. Saya menghadiri kelas tuisyen BM.	-	21	7	2
15. Saya meminta guru tuisyen untuk membetulkan cara saya membaca BM.	-	-	0	30
16. Saya meminjam buku pelajaran/cerita BM dari perpustakaan sekolah.	-	2	21	7
17. Saya meminjam buku daripada rakan untuk membaca.	-	-	9	21
18. Saya membaca buku/nota BM pada masa lapang.	-	-	0	30
19. Saya meminta ibu bapa membeli bahan bacaan BM untuk saya.	-	-	13	17
20. Saya meminta ibu bapa membaiki/menyemak cara saya membaca sesuatu bahan bacaan BM.	-	-	18	12



Rajah 4: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah di luar Kelas

Rajah 4 menunjukkan strategi kemahiran membaca di luar kelas dalam kalangan murid lemah. Strategi kemahiran membaca di luar kelas didapati kurang mendapat sambutan daripada murid-murid lemah. Strategi yang mencapai skala setuju yang tinggi dalam kalangan murid lemah ialah item yang keempat belas, iaitu strategi “menghadiri kelas tuisyen BM”. Sebanyak 21 orang murid lemah daripada jumlah 30 menyatakan mereka menghadiri kelas tambahan bahasa Melayu. Skala ini merangkumi 70%. Skala tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing terdiri daripada 23% dan 7% daripada keseluruhan murid tidak menghadiri kelas tambahan di luar sekolah. Hasil daripada nota lapangan dan temu bual bersama-sama murid lemah, pengkaji mendapati murid-murid lemah menghadiri kelas tambahan kerana dipaksa oleh ibu bapa mereka. Manakala terdapat beberapa murid lemah yang memang menghadiri kelas tambahan untuk menguasai bahasa Melayu, namun mereka gagal berbuat sedemikian kerana mereka tidak berani untuk bertanya pada guru tuisyen sekiranya tidak memahami kandungan yang diajar. Jelasnya di sini perasaan takut menghalang mereka dalam proses pembelajaran kemahiran membaca.

Selain itu, skala setuju juga dapat dilihat pada item keenam belas, iaitu “meminjam buku pelajaran/cerita BM dari perpustakaan sekolah”. Hanya 7% daripada jumlah keseluruhan menyatakan setuju untuk meminjam buku pelajaran/cerita bahasa Melayu dari perpustakaan sekolah, manakala sebanyak 70% memilih tidak setuju dan 23% memilih sangat tidak setuju. Namun, setelah diteliti dengan jelas daripada guru-guru sekolah, semua murid diwajibkan untuk meminjam satu buku cerita bahasa Melayu dari perpustakaan sekolah. Malangnya sekali, murid-murid tidak menunjukkan inisiatif untuk membaca buku yang dipinjam malah ia cuma sekadar untuk mematuhi peraturan sekolah. Malah terdapat juga segelintir daripada mereka langsung tidak meminjam buku dari perpustakaan sekolah.


Skala sangat setuju yang menunjukkan peratus yang tertinggi dalam kalangan murid lemah dalam proses menguasai kemahiran membaca di luar kelas. Terdapat tiga item yang mencapai 100% dalam strategi ini. Antara item tersebut ialah item ketiga belas, kelima belas, dan juga kelapan belas, iaitu “mengambil bahagian dalam pertandingan BM di luar sekolah”, “meminta guru tuisyen untuk membetulkan cara saya membaca BM”, dan “membaca buku/nota BM pada masa lapang”. Hasil dari pemerhatian pengkaji, murid-murid lemah kurang berani untuk menyuarakan pendapat sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas. Maka, murid-murid kurang berkeyakinan untuk mendapatkan bantuan daripada guru kelas tambahan dalam proses membaca terutamanya di hadapan rakan sekelas.

Seterusnya, murid-murid lemah juga tidak berminat langsung dalam pertandingan bahasa Melayu yang dianjurkan oleh pihak-pihak lain. Daripada dapatan nota lapangan, murid-murid menyatakan bahawa mereka tidak berminat dan tidak suka untuk mengambil bahagian dalam acara bahasa Melayu kerana mereka kurang mahir dan juga kurang galakkan daripada orang sekeliling terutamanya ibu bapa. Seterusnya, dari aspek membaca buku bahasa Melayu pada masa lapang juga dinyatakan oleh murid-murid lemah bahawa mereka lebih gemar untuk membuat aktiviti luar seperti bermain bersama-sama rakan, menonton televisyen, dan juga bermain permainan komputer. Hal ini menunjukkan murid-murid tidak meluangkan masa khas untuk mempelajari bahasa Melayu selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Di samping skala tidak setuju dalam strategi ini dapat dilihat pada item kesebelas, dua belas, dan juga yang kedua puluh, iaitu “membaca pelbagai bahan bacaan BM”, “membaca sari kata cerita BM ketika menonton televisyen”, dan “meminta ibu bapa membaiki/menyemak cara saya membaca sesuatu bahan bacaan BM”. Peratus item ini terdiri daripada 57% tidak setuju untuk item kesebelas, 63% tidak setuju untuk item kedua belas, dan 60% tidak setuju untuk item yang kedua puluh.

Jadual 5: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang semasa Peperiksaan

SKB semasa Peperiksaan	Murid Cemerlang			
	SS	S	T	ST
21. Saya membaca nota latihan/buku latihan BM berulang kali sebelum peperiksaan.	40	10	-	-
22. Saya membeli buku latihan BM untuk membuat latihan sebelum peperiksaan.	30	20	-	-
23. Saya membuat latihan soalan BM tahun-tahun lepas.	26	24	-	-
24. Saya mencari soalan BM di Internet sebagai latihan sebelum peperiksaan.	28	22	-	-
25. Saya membaca perenggan demi perenggan ketika menjawab soalan peperiksaan BM.	38	12	-	-
26. Saya menggariskan isi-isi penting sebelum menjawab soalan BM ketika peperiksaan.	20	30	-	-
27. Saya membaca setiap soalan BM dengan teliti sebelum menjawabnya semasa peperiksaan.	40	10	-	-
28. Saya membaca arahan soalan BM sebelum menjawab soalan ketika peperiksaan.	41	9	-	-
29. Saya membaca dan menjawab soalan BM yang mudah dahulu ketika peperiksaan	36	14	-	-
30. Saya membaca keseluruhan petikan soalan BM sebelum menjawab soalan peperiksaan.	34	16	-	-



Rajah 5: Strategi Kemahiran Membaca Murid Cemerlang semasa Peperiksaan


Rajah 5 merumuskan strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan oleh murid cemerlang. Skala yang paling menonjol dalam strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan ialah skala sangat setuju. Kebanyakan murid cemerlang didapati mengamalkan kesemua strategi yang disenaraikan oleh pengkaji. Item 21 hingga 24 ialah strategi yang digunakan sebelum menghadiri peperiksaan, iaitu waktu ulang kaji. Daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 80% murid cemerlang daripada jumlah keseluruhan membaca nota latihan/buku latihan bahasa Melayu berulang kali sebelum peperiksaan. Manakala hanya 20% menyatakan setuju untuk item ini. Seterusnya, item 22, iaitu “membeli buku latihan BM untuk membuat latihan sebelum peperiksaan” merangkumi 60% sangat setuju dan 40% setuju. Item 23 ialah strategi “membuat latihan soalan BM tahun-tahun lepas terdiri daripada 52% sangat setuju dan 48% setuju. Item terakhir sebelum menghadiri peperiksaan ialah strategi “mencari soalan BM di internet sebagai latihan sebelum peperiksaan”. Item ini mencapai peratus skala sangat setuju sebanyak 56% dan skala setuju adalah sebanyak 44%. Secara keseluruhannya, murid-murid cemerlang membuat persediaan awal sebelum menghadiri peperiksaan. Hasil kajian menepati kajian Zamri Mahamad (2015), bahawa murid cemerlang mempunyai strategi yang cekap dalam penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu. Persediaan awal dapat menghindar perasaan cemas dalam diri murid semasa menduduki peperiksaan.

Seterusnya item 25 hingga 30 menunjukkan strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan. Pada peringkat ini, strategi yang mencapai status pencapaian yang tertinggi ialah item 28, iaitu “membaca arahan soalan BM sebelum menjawab soalan ketika peperiksaan”. Strategi ini menunjukkan pencapaian sebanyak 82% orang murid daripada jumlah keseluruhan memilih skala sangat setuju, manakala hanya 12% menyatakan setuju. Membaca arahan soalan dengan teliti dapat membantu murid memahami kehendak soalan dengan jelas. Diikuti pula dengan item 27, iaitu strategi “membaca setiap soalan BM dengan teliti sebelum menjawabnya semasa peperiksaan. Item ini mencapai peratus kedua tertinggi pada skala sangat setuju, iaitu sebanyak 80% dan 20% setuju. Item yang ketiga tertinggi dalam strategi ini ialah item 25, iaitu “membaca perenggan demi perenggan ketika menjawab soalan peperiksaan BM”. Kesemua item dalam strategi ini menunjukkan kepentingan antara satu sama lain terutamanya strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan. Murid-murid cemerlang dalam kajian pengkaji mendapati mengamalkan kesemua strategi ini dalam usaha dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik dan lulus dengan cemerlang dalam kertas ujian bahasa Melayu. Dapatan kajian ini sependapat dengan kajian Zamri Mahamad (2015), proses ini amat membantu murid-murid memahami maksud dan kehendak soalan dengan jelas, malah murid-murid juga boleh membezakan isi, huraian dan contoh, terutamanya semasa menjawab soalan pemahaman.

Jadual 6: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah semasa Peperiksaan

SKB semasa Peperiksaan	Murid Lemah			
	SS	S	TS	STS
21. Saya membaca nota latihan/buku latihan BM berulang kali sebelum peperiksaan.	-	3	17	0
22. Saya membeli buku latihan BM untuk membuat latihan sebelum peperiksaan.	-	8	22	0
23. Saya membuat latihan soalan BM tahun-tahun lepas.	-	-	13	17
24. Saya mencari soalan BM di Internet sebagai latihan sebelum peperiksaan.	-	-	0	30
25. Saya membaca perenggan demi perenggan ketika menjawab soalan peperiksaan BM.	-	10	20	0
26. Saya menggariskan isi-isi penting sebelum menjawab soalan BM ketika	-	-	21	9

peperiksaan.				
27. Saya membaca setiap soalan BM dengan teliti sebelum menjawabnya semasa peperiksaan.	-	3	21	6
28. Saya membaca arahan soalan BM sebelum menjawab soalan ketika peperiksaan.	-	9	21	0
29. Saya membaca dan menjawab soalan BM yang mudah dahulu ketika peperiksaan	-	9	11	10
30. Saya membaca keseluruhan petikan sebelum menjawab soalan peperiksaan.	-		16	14



Rajah 6: Strategi Kemahiran Membaca Murid Lemah semasa Peperiksaan

Rajah 6 ialah strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan dalam kalangan murid lemah. Strategi yang langsung tidak diamalkan dalam kalangan murid lemah ialah item 23 dan 24. Skala sangat tidak setuju mendahului skala tidak setuju. Peratus yang ditunjukkan pada strategi 24 adalah sebanyak 100% daripada jumlah keseluruhan murid lemah menyatakan tidak mengamalkan strategi semasa menghadapi peperiksaan. Item 24 ialah strategi “mencari soalan BM di internet sebagai latihan sebelum peperiksaan”. Murid-murid didapati langsung tidak berminat untuk membuat latihan menggunakan laman sesawang. Dapatan ini dikukuhkan oleh para guru bahawa golongan lemah ini sukar untuk menyempurnakan latihan yang diberikan oleh guru bahasa Melayu di sekolah. Seterusnya, skala sangat tidak setuju dapat dilihat pada item 23, iaitu “membuat latihan soalan BM tahun-tahun lepas”. Peratus yang dicapai adalah sebanyak 57% sangat tidak setuju dan 43% tidak setuju. Keseluruhannya menunjukkan murid-murid tidak mengamalkan kedua-dua strategi ini semasa peperiksaan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa murid lemah yang mengamalkan strategi kemahiran membaca semasa peperiksaan. Keadaan ini dapat dilihat pada item 21, 22, 25, 27, 28, dan 29. Skala tidak setuju menonjol pada kesemua item ini, namun pengkaji mendapati bahawa beberapa murid lemah masih terbuka hati untuk menguasai bahasa Melayu. Sebanyak 85%

menyatakan tidak setuju pada item “membaca nota latihan/buku latihan BM berulang kali sebelum peperiksaan” dan 15% daripada 30 orang murid lemah menyatakan mereka mengamalkan strategi ini. Selain itu, strategi ke-22, iaitu “membeli buku latihan BM untuk membuat latihan sebelum peperiksaan” mencapai skala tidak setuju sebanyak 73%, manakala 27% yang merangkumi 8 orang murid menyatakan setuju. Strategi semasa menghadapi peperiksaan juga kurang mendapat galakan daripada para murid lemah. Hal ini dapat dilihat pada strategi ke-25, iaitu “membaca perenggan demi perenggan ketika menjawab soalan peperiksaan BM”, yang terdiri daripada 67% tidak setuju dan 33% setuju. Seterusnya, 10% murid lemah menyatakan setuju pada item 27, iaitu “membaca setiap soalan BM dengan teliti sebelum menjawabnya semasa peperiksaan”, manakala 70% menyatakan tidak setuju dan 20% sangat tidak setuju. Strategi “membaca arahan soalan BM sebelum menjawab soalan ketika peperiksaan” menunjukkan 30% orang murid setuju dan 70% orang murid lemah tidak setuju dengan strategi ini. Pengkaji juga mendapati murid-murid kurang menggunakan teknik berkesan semasa peperiksaan. Hal ini dapat dilihat pada item 29, iaitu “membaca dan menjawab soalan BM yang mudah dahulu ketika peperiksaan” menunjukkan pencapaian peratus sebanyak 30% orang setuju, 37% tidak setuju, dan 33% sangat tidak setuju.


Murid-murid lemah secara keseluruhannya tidak mempunyai teknik menjawab peperiksaan yang berkesan. Mereka juga tidak mengamalkan strategi kemahiran membaca sebelum menghadapi peperiksaan sebagai satu langkah persediaan menghadapi peperiksaan. Selain itu, semasa peperiksaan pula, murid-murid lemah kurang meneliti soalan dan juga arahan dengan jelas supaya membantu mereka menjawab soalan peperiksaan dengan betul. Hal ini membuktikan murid lemah kurang kemahiran membaca semasa peperiksaan. Dapatan kajian menunjukkan keputusan yang sama dengan kajian Zamri Mahamod (2015), iaitu kurangnya pengamalan strategi semasa peperiksaan, murid-murid akan menghadapi kesukaran untuk memahami maksud dan kehendak soalan, malah sukar untuk menjawab soalan ketika peperiksaan.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI STRATEGI KEMAHIRAN MEMBACA

Faktor Jantina

Jadual 7: Pengaruh Jantina dalam Kemahiran Membaca

Jantina	Lelaki	Perempuan
Murid Cemerlang	18	32
Murid Lemah	11	19




Rajah 7: Pengaruh Jantina dalam Kemahiran Membaca

Berdasarkan rajah 7, pengkaji mendapati murid lelaki dan murid perempuan dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah terdiri daripada peratusan yang hampir sama. Dalam kajian ini, faktor jantina dalam proses penguasaan pembelajaran bahasa Melayu melalui strategi kemahiran membaca tidak menunjukkan pengaruh yang ketara. Murid lelaki dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah menunjukkan yang sedikit berbanding dengan murid perempuan, iaitu murid lelaki cemerlang ialah sebanyak 36%, manakala murid lelaki lemah adalah sebanyak 37% daripada jumlah keseluruhan murid lemah. Sebaliknya, peratusan murid perempuan lemah juga mendahului murid lelaki lemah dalam kajian ini, iaitu sebanyak 63%. Hal ini menunjukkan jantina tidak mempengaruhi pengamalan strategi dalam proses penguasaan bahasa. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Zamri (2004), iaitu murid lelaki mempunyai strategi yang lebih banyak berbanding murid perempuan dalam pembelajaran bahasa. Murid lelaki dan perempuan India menguasai bahasa bukan berdasarkan faktor jantina.

Faktor Sikap Murid

Jadual 8: Kepentingan Mempelajari Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cemerlang dan Murid Lemah

Kepentingan BM	Murid Cemerlang	Murid Lemah
Amat Penting	50	0
Penting	0	13
Tidak Penting	0	17




Rajah 8: Kepentingan Mempelajari Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cemerlang dan Murid Lemah

Berdasarkan jadual 8, pengkaji mendapati kepentingan mempelajari bahasa Melayu masih tidak disedari oleh murid-murid India. Sebagai warganegara Malaysia, bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan setiap murid. Namun, murid lemah yang memperoleh keputusan D dalam ujian Bahasa Melayu berpendapat bahasa Melayu bukan satu mata pelajaran yang penting dalam kehidupan mereka. Hal ini dibuktikan melalui skala pemilihan mereka, iaitu sebanyak 57% daripada 30 orang murid lemah menyatakan bahasa Melayu tidak penting. Kesedaran mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu mempengaruhi murid-murid menguasai bahasa Melayu. Selain itu, pengaruh bahasa ibunda juga memberi kesan yang tinggi terhadap kesedaran ini. Penggunaan bahasa ibunda yang lebih banyak menyebabkan murid beranggapan bahawa mereka tidak perlu mahir bahasa Melayu yang tidak akan memberi sebarang manfaat dalam hidup mereka. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian lepas, iaitu Sharala (2014), dan Zamri Mahamad, Kamiliah Ayu, dan Wan Muna Ruzanna (2016).

Minat Terhadap Bahasa Melayu

Jadual 9: Minat Murid Cemerlang dan Murid Lemah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Sikap	Murid Cemerlang	Murid Lemah
Minat	50	12
Tidak Minat	0	18



Rajah 9: Minat Murid Cemerlang dan Murid Lemah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu


Jadual 9 menunjukkan sikap murid cemerlang dan murid lemah terhadap pembelajaran bahasa Melayu yang merangkumi sama ada minat mahupun tidak berminat. Data kutipan melalui borang soal selidik menerangkan 100% daripada murid cemerlang bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu, iaitu mereka berminat. Manakala murid lemah pula didapati kurang aktif dalam pembelajaran bahasa Melayu. 60% daripada 30 orang menyatakan mereka tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, sebaliknya 40% menyatakan berminat. Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati murid lemah yang berminat terhadap pembelajaran bahasa Melayu adalah disebabkan mereka suka pada cikgu yang mengajar bahasa Melayu. Kebanyakan murid menyatakan bahawa guru bahasa Melayu mereka “cantik”, “baik”, “pandai”, “tidak suka marah”, dan “sentiasa pakai pakaian cantik”. Faktor-faktor ini menarik minat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dilihat pada kenyataan murid lemah yang tidak berminat pula, mereka berpendapat guru bahasa Melayu “sentiasa memberi banyak kerja sekolah”, “suka marah kalau tak buat kerja sekolah”, dan “bosan”.

Dapatan ini seiring dengan kajian Zamri Mahamod (2016), sikap dan motivasi amat penting dalam menggalakkan dan mencungkil minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Wan Nurzuliana Wan Ahmad (2019) yang mengkaji kemahiran literasi dalam kalangan murid Linus mengatakan bahawa guru-guru yang mengamalkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan kaedah pengajaran yang efektif mampu membentuk murid yang berkemahiran untuk membaca dan menulis dalam jangka masa yang cepat. Tuntasnya, murid yang bersikap negatif dan bermotivasi rendah kurang mengamalkan strategi pembelajaran bahasa berbanding murid yang bersikap positif dan bermotivasi tinggi mempunyai strategi pembelajaran bahasa yang pelbagai.

Faktor Sosioekonomi Ibu Bapa

Jadual 10: Taraf Pendidikan Ibu bapa

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Berpendidikan Tinggi	38	48
Berpendidikan SPM	42	53



Rajah 10: Taraf Pendidikan Ibu Bapa

Jadual 10 menunjukkan taraf pendidikan ibu bapa murid-murid cemerlang dan lemah SJK(T) Batu Caves. Berdasarkan jadual, pengkaji dapat merumuskan bahawa ibu bapa yang berpendidikan terdiri daripada 48%, manakala ibu bapa yang kelulusan SPM menunjukkan 53%. Melihat peratusan pada jadual, ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan kelulusan SPM menitikberatkan kepentingan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak. Kebanyakan ibu bapa murid dalam kajian ini bekerja sebagai pemandu lori, pengawal keselamatan, operator kilang, suri rumah, tukang jahit, pemandu teksi dan van, tukang sapu, dan juga pesara. Ibu bapa yang berpendidikan bekerja kerajaan jumlahnya tidak ramai, malah kebanyakannya bekerja sebagai kerani, doktor, pensyarah, staf syarikat sendirian berhad, jururawat, arkitek, guru besar, peguam, jurutera, dan pegawai perubatan. Namun, bilangan ibu bapa yang menduduki pekerjaan yang baik dan bergaji tinggi adalah rendah berbanding ibu bapa yang kurang berpendidikan. Kajian ini membuktikan dapatan yang sama dengan kajian Mohd Yazid (2017), iaitu taraf pendidikan ibu bapa bukan pengaruh utama terhadap strategi pembelajaran murid-murid. Dapatan ini tidak seiring dengan kajian Zamri (2004, 2016), iaitu ibu bapa yang berpendidikan tinggi mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pembelajaran anak-anak. Sebaliknya ibu bapa yang kurang berpendidikan tidak akan menjadi contoh yang baik kepada anak-anak dari aspek pembelajaran. Tambahan pula, kajian beliau juga menyatakan bahawa latar belakang keluarga amat penting dalam mempengaruhi motivasi dan sikap anak-anak dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, murid-murid SJK(T) Batu Caves yang cemerlang dalam bahasa Melayu menunjukkan tahap motivasi yang tinggi dan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Murid cemerlang yang mengamalkan strategi kemahiran membaca yang paling banyak dan kerap menggunakannya dalam proses pembelajaran bahasa Melayu mendapat keputusan yang baik. Usaha yang berterusan dalam pembelajaran bahasa Melayu memberi kejayaan kepada mereka untuk mendalami bahasa Melayu dengan baik. Murid cemerlang bukan sahaja memberikan tumpuan di dalam kelas, tetapi mereka juga aktif dalam aktiviti di luar kelas untuk memantapkan pengetahuan

mereka dalam bahasa Melayu. Selain itu, mereka juga mengaplikasi semua teknik yang dipelajari semasa menghadapi peperiksaan. Mereka mengambil inisiatif untuk membuat ulang kaji daripada buku-buku latihan dan juga laman sesawang sebagai nota tambahan. Murid-murid lemah menunjukkan tumpuan yang banyak semasa peperiksaan, namun mereka tidak dapat memperoleh keputusan yang baik. Hal ini kerana, mereka hanya berusaha pada saat-saat akhir, dan kurang mengambil inisiatif untuk menguasai kemahiran membaca di dalam kelas serta di luar kelas. Dalam usaha untuk mendapatkan penjelasan yang jelas dan keputusan yang baik, strategi ini harus digunakan oleh murid-murid bukan semata-mata semasa menghadapi peperiksaan, malah harus dipraktik kerap kali setelah mempelajari sesuatu mata pelajaran sebagai latihan pengukuhan. Pernyataan ini menepati kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016). Oleh yang demikian, usaha murid lemah pada saat terakhir tidak membantu mereka meraih keputusan yang cemerlang. Seterusnya, faktor utama yang mempengaruhi penguasaan murid terhadap strategi kemahiran membaca ialah faktor sikap dan motivasi. Sikap murid yang tidak suka mempelajari bahasa Melayu adalah disebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk memahami kandungan kerana mereka tidak diberi perhatian sejak kecil lagi untuk mahir dalam bahasa Melayu. Kemahiran membaca merupakan aspek yang sama penting dengan kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur. Tambahan pula, kemahiran membaca yang rendah juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan murid-murid lemah kurang berkeyakinan untuk membaca dan menguasai bahasa Melayu. Oleh yang demikian, murid-murid lemah boleh mengaplikasikan strategi kemahiran membaca yang diaplikasi oleh murid-murid cemerlang dalam meningkatkan kemahiran diri terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. 2011. Mencari Makna Diri Melayu. Renungan untuk Bangsaaku Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chwee Hwa Ooi. 2018. Keberkesanan Modul dalam Meningkatkan Penguasaan Imbuhan meN dan peN dalam kalangan Murid SJKC. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 2: 10-22.
- Hanifah Sabin, Vincent Pang & Muhammad Idris Bullare@Bahari. 2019. Modul Membaca Awal Prasekolah menggunakan Nyanyian berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1): 45-48.
- Jamila K. A. Mohamad Kutty, Mohd Hanafi bin Mohd Yasin & Rosadah Abd. Majid. 2012. Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 2, Bil. 2: 111-127.
- Manprit Kaur & Mohamad Amin. 2011. "Language Learning Strategies Employed by Primary School Students". Dalam Mohamad Yazid Mohamad. *Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cemerlang Etnik Cina*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 7, Bil. 1: 85-92.
- Mohamad Yazid Mohamad. 2017. *Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cemerlang Etnik Cina*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 7, Bil. 1: 85-92.
- Nathesan. S. 2010. Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zila Md. Yusuf. 2015. Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. 2016. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 4 (2).
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. 2018. Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 8, Bil. 1: 74-83.
- Roshidah Hassan. 2017. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Perancis. *Journal of Language Studies* 17(1): 125-146.
- Sharala et al. 2014. Penggunaan dan Kekekapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 4, Bil. 2: 25-35.
- Wan Dyarudin Wan Mustappa. 2017. Keberkesanan Teknik Membaca SQ3R dalam Pengajaran Kefahaman Membaca di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 7, Bil. 1: 1-10.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan Guru dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 9, Bil. 1: 1-11.
- Whitehurst, G. J. & Lonigan, C. 2001. "Emergent Literacy: Development from Prereaders to Read". Dalam Jamila K. A. Mohamad Kutty et al. Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 2, Bil. 2: 111-127.
- Zamri Mahamod. 2006. Penggunaan Strategi Membaca dan Menulis oleh Pelajar Cemerlang dan Pelajar Lemah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 2: 328-362.
- Zamri Mahamod. 2014. Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2015. Strategi Pembelajaran: Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam. 2014. Penggunaan dan Kekekapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* 4: 25-35
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* 6(1): 38-51
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab Ghani & Wan Muna Ruzanna. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina berdasarkan Sikap dan kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 1: 38-51.